

**UCAPAN YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJIJI HJ NOOR KETUA MENTERI SABAH SEMPENA MEMPENGERUSI KAN MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN MEMBANTERAS DADAH (MTMD) PERINGKAT NEGERI SABAH BILANGAN 1 TAHUN 2021 PADA 29 APRIL 2021, JAM 10 PAGI DI BILIK MESYUARAT, TINGKAT 26, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SABAH**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2021.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas komitmen semua, terutamanya kepada Yang Berusaha Puan Chan Hong Jin, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan yang mewakili Ketua Pengarah AADK di atas kehadiran dalam Mesyuarat MTMD Peringkat Negeri Sabah kali ini.
3. Alhamdulillah, Mesyuarat MTMD Peringkat Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2021 hari ini dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Seperti kita sedia maklum, Mesyuarat MTMD merupakan platform untuk kita membincangkan isu berkaitan penyalahgunaan dadah di peringkat negeri dan cadangan penyelesaian. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi memantau dan memastikan penyelarasan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras dadah oleh semua Agensi / organisasi berkaitan di peringkat Negeri, Daerah dan Bahagian.
4. Walau bagaimanapun, atas faktor pandemik COVID-19 yang masih ditahap membimbangkan dan pengumuman PKPB di Sabah berkuatkuasa hari ini. Kehadiran ahli mesyuarat pada hari ini terpaksa dikurangkan selaras dengan SOP yang sedang berkuat kuasa. Namun, saya ingin mengingatkan agar kita semua sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Terima kasih diucapkan kepada Ketua Jabatan di atas komitmen dan penglibatan aktif semua dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah, substan dan pelencongan sosial. Saya berharap usaha ini dapat diteruskan pada tahun ini bagi mencapai hasrat kerajaan untuk merealisasikan dadah terkawal di Sabah sejajar dengan hasrat Sabah Maju Jaya. Diharap Mesyuarat MTMD di peringkat negeri dan daerah dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan kertas pertimbangan yang berkualiti dapat disediakan supaya kita dapat berganding bahu bersama-sama mengatasi masalah penyalahgunaan dadah, substan dan pelencongan sosial demi kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran Negara.
6. Saya ingin meminta semua pengerusi MTMD di peringkat daerah untuk mengadakan mesyuarat mengikut KPI yang ditetapkan, dan sekiranya perlu mesyuarat boleh diadakan dengan lebih kerap. Diharap semua Pengerusi Mesyuarat MTMD di peringkat daerah dapat meneruskan usaha ini pada tahun 2021 dan memastikan KPI yang ditetapkan dicapai dengan jayanya. Saya juga berharap agar Mesyuarat MTMD di peringkat negeri dan daerah dapat dilaksanakan mengikut perancangan takwim yang telah dikemukakan kepada urus setia AADK Negeri.
7. Untuk makluman semua, Mesyuarat MTMD Peringkat Negeri Bil.2/2021 dijadual akan diadakan pada Oktober 2021. Sehubungan dengan itu, saya berharap semua pengerusi MTMD peringkat daerah dapat mengadakan mesyuarat sebelum Oktober 2021. Ini bagi membolehkan hasil perbincangan mesyuarat di peringkat daerah dapat dibawa ke MTMD Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.

8. Untuk makluman ahli mesyuarat, Sabah mempunyai 12 Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) Penyalahgunaan Dadah iaitu Likas, Inanam, Penampang, Luagan, Patikang, Tuarid Taud, Tanjung Batu, Merotai, Balung, Zon 1, 2 dan 3 Wilayah Persekutuan Labuan. Pada tahun ini, tumpuan akan diberikan kepada tiga (3) kawasan berisiko tinggi iaitu Likas, Inanam (Kota Kinabalu) dan Luagan (Keningau). Pelbagai aktiviti dan program akan dilaksanakan untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah di tiga (3) kawasan tersebut supaya dapat diubah daripada kawasan merah kepada kawasan hijau. Justeru, semua Pegawai Daerah selaku Pengerusi MTMD Daerah diminta merangka gerak kerja dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah terutama do kawasan berisiko tinggi agar isu penagihan dadah dan pelencongan sosial di negeri Sabah terkawal.

9. Mesyuarat MTMD pada kali ini akan membincangkan tiga (3) Kertas Pertimbangan dan satu (1) Kertas Makluman, iaitu :

#### **Kertas Pertimbangan**

- I. Pendekatan Bersepadu Menangani Masalah Penagihan Dadah, Substans Dan Pelencongan Sosial oleh AADK Negeri Sabah.
- II. Pewujudan Pusat Pemulihan Penagihan Dadah Baharu oleh AADK Negeri Sabah.
- III. Program Pembentukan Keluarga Bahagia Menangani Penyalahgunaan Dadah, Gam Dan Bahan Terlarang oleh Universiti Malaysia Sabah.

#### **Kertas Makluman**

- I. Senario Dadah Di Sabah oleh Polis Diraja Malaysia Negeri Sabah

10. Dadah masih merupakan **Musuh No.1 Negara**. Kerjasama ahli-ahli mesyuarat adalah dimohon untuk berkolaborasi dan berganding bahu bagi membanteras musuh No.1 negara ini demi masa depan anak-anak muda. Melalui mesyuarat ini, saya berharap kita dapat membincangkan isu penyalahgunaan dadah, substans dan pelencongan sosial secara lebih terperinci. Saya menyeru agar semua ahli yang hadir dapat memberi pandangan, cadangan dan syor yang boleh dilaksanakan dalam usaha membanteras penyalahguna dan penagihan dadah di negeri Sabah bagi mencapai matlamat Dadah Terkawal 2025.